

13/01/2001

Umno, Pas pelopori penyatuan bangsa, negara

Ebe

PRESIDEN Pas, Datuk Fadzil Noor, dalam kenyataan akhbar baru-baru ini menolak kecaman sesetengah golongan bahawa perbincangan penyatuan Melayu inisiatif Umno dan partinya adalah sandiwara.

Fadzil sebaliknya menyatakan keyakinan bahawa Umno tidak bersandiwara ketika mempelawa Pas duduk semeja untuk membincangkan usaha memantapkan lagi perpaduan Melayu.

Pemimpin Pas itu seolah-olah menyindir Parti Keadilan Nasional (Keadilan) yang berpendapat bahawa perbincangan itu adalah satu sandiwara belaka. Keadilan menganggap bahawa perpecahan Melayu tidak berlaku melainkan di dalam Umno.

Satu kenyataan Keadilan menyatakan bahawa Keadilan bukanlah sebuah parti Melayu melainkan sebuah pertubuhan yang terdiri daripada pelbagai kaum.

Tetapi Keadilan tidak pula berpendirian seperti DAP yang menyarankan supaya perbincangan antara Umno dengan Pas itu diperluas untuk disertai oleh parti-parti bukan Melayu.

Fadzil menyatakan bahawa Pas menganggap perundingannya dengan Umno kelak merupakan sesuatu yang serius dalam usaha mencari formula terbaik menyelesaikan masalah perpecahan Melayu.

"Ini bukan sandiwara dan kita tidak bermain sandiwara tetapi mempunyai niat murni untuk melihat umat Islam dan Melayu bersatu," tegasnya kepada media.

Fadzil juga menyatakan bahawa Pas tidak dapat menghalang sekiranya ada pihak yang menganggap bahawa perbincangan itu sebagai sandiwara. Katanya: "Kita tunggu dan lihat apabila perbincangan itu diadakan nanti."

Bahawa masalah yang dihadapi oleh orang Melayu sekarang antara yang terpenting ialah masalah perpaduan. Kita telah berpolitik sejak sebelum merdeka hingga sekarang.

Dari zaman Allahyarham Datuk Onn Jaafar membawa kepada zaman Tunku Abdul Rahman hinggalah kepada zaman Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sebagai wartawan yang mengikuti perjuangan ini, saya berasa bahawa belum pernah masyarakat Melayu menghadapi masalah perpecahan seperti yang kita saksikan sekarang.

Ketika menentang Malayan Union dahulu, memang terdapat perbezaan pendapat dan pendirian antara parti politik Melayu.

Umno menentang Malayan Union sejak awal-awal lagi dasar itu diisytiharkan oleh British sedangkan Parti Kebangsaan Melayu yang dipimpin oleh Dr Burhanuddin Al-Helmi dan Ishak Muhammad serta Ahmad Boestaman pada mulanya menerima Malayan Union sambil memperjuangkan penyatuan Malaya atau Tanah Melayu dengan Indonesia Raya.

Tetapi setelah itu, golongan ini juga ikut menentang Malayan Union hingga menjadi satu 'front' bangsa Melayu yang berpadu menjadikan kehancuran Malayan Union sebagai sasaran utama perjuangan mereka.

Golongan kiri tetap memperjuangkan cita-cita Melayu Raya tanpa mengabaikan perjuangan untuk menghancurkan Malayan Union.

Malah, golongan kiri membuat perlembagaan mereka sendiri sebagai ganti kepada perlembagaan yang dibawa oleh Inggeris.

Antara saranan golongan kiri pada waktu itu ialah menuntut pilihan raya umum dan taraf pemerintahan sendiri untuk negara ini.

Tetapi walaupun terdapat perbezaan ini antara golongan kiri dan Datuk Onn, namun mereka bersatu-padu untuk menentang gagasan Harold Mac Michael.

Tetapi umumnya sentimen menentang Malayan Union amat meluas di kalangan

orang Melayu tanpa mengira perbezaan fahaman politik.

Yang demikian pada lahirnya kelihatan perbezaan pendapat antara golongan kiri pada satu pihak dan Umno pada satu pihak lagi tetapi mereka tetap bersatu merombak gagasan Harold Mac Michael.

Dalam erti kata lain, perpaduan orang Melayu pada masa itu boleh dikatakan utuh.

Berhubung keadaan sekarang, memanglah satu kenyataan politik dalam masa beberapa waktu yang lalu bahawa semakin hari perpaduan bangsa semakin longgar.

Perpecahan ini bukanlah gara-gara pilihan raya yang baru lalu tetapi ia telah wujud dan menular sejak beberapa tahun lalu. Ia menjadi lebih tenat dalam pilihan raya lalu apabila undi Melayu banyak beralih kepada pihak pembangkang.

Selama ini, Umno adalah lambang perpaduan bangsa kerana ia adalah parti pemerintah dan juga kerana kedudukannya sebagai parti terulung.

Ada pihak yang menyatakan krisis perpaduan Melayu ialah sebenarnya krisis Umno, bukan krisis golongan Melayu.

Tetapi pendapat ini tidak dapat dipertahankan kerana Umno telah terlucut kedudukannya sebagai parti yang melambangkan ketuanan Melayu di negara ini.

Apakah bakal tercapai nanti tujuan pertemuan perpaduan Melayu ini antara Pas dan Umno?

Menurut pendapat pemerhati, hasil perjumpaan ini tidak akan segera tercapai kerana perpaduan Melayu tidak sahaja menyentuh soal politik tetapi juga mengaitkan aspek-aspek ekonomi, sosial, budaya dan agama.

Tambahan pula inilah kali pertama perjumpaan seumpama itu diadakan. Agenda pertemuan itu tentunya merangkum aspek-aspek ekonomi, sosial dan agama selain politik.

Kerana ia adalah satu sidang yang membicarakan masalah yang begitu sensitif, tentunya masing-masing pihak harus hati-hati dan cermat agar persidangan itu dapat berjalan dalam suasana muhibah dan baik sangka.

Saya berpendapat bahawa persidangan yang pertama ini tidak akan dapat menyelesaikan seluruh agenda yang dihadapi oleh bangsa Melayu.

Ia terpaksa dijalankan secara berhati-hati dan penuh keikhlasan.

Orang Melayu umumnya menyambut baik anjuran dan inisiatif yang diperlihatkan oleh Umno dalam soal ini. Apakah harapan mereka akan terpenuhi?

Saya sendiri optimis bahawa persidangan ini akan menjadi titik permulaan kepada persidangan yang menyusul kelak antara kedua-dua parti itu.

Saya amat bersetuju dengan sikap Pas bahawa perbincangan penyatuan bangsa Melayu ini bukan satu sandiwara dan memang tidak adil untuk mengambil kesimpulan seperti itu secara terburu-buru nafsu.

Malah, sesetengah parti bukan Melayu di pihak pembangkang menganjurkan agar perjumpaan seperti ini tidak seharusnya terbatas kepada Umno dan Pas sahaja melainkan hendaklah diperluas untuk disertai oleh parti-parti bukan Melayu.

Barangkali terlalu awal untuk mengadakan satu perhimpunan yang meliputi semua parti politik.

Bagaimanapun, tidaklah mustahil sekiranya dalam masa yang singkat nanti, perjumpaan yang dipelopori oleh Pas dan Umno ini disusur pula oleh satu kongres besar yang disertai tidak sahaja oleh parti-parti politik tanah air tetapi oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan organisasi rakyat untuk membincangkan masalah perpaduan di negara kita.

(END)